



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**KBS DAN MFL BEKERJASAMA BAGI TAYANGAN SKRIN BESAR
PERLAWANAN LIGA SUPER 2023**

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) akan meneruskan tayangan skrin besar sempena perlawanan **Liga Super 2023** dengan kerjasama bersama Malaysian Football League (MFL) bagi tayangan skrin besar **sepanjang bulan Mac 2023** yang melibatkan perlawanan bola sepak seperti berikut:

BIL.	TARIKH	PERLAWANAN	SEPAK MULA SIARAN	SKRIN BESAR
1	01/03/2023 (RABU)	KEDAH DARUL AMAN FC V TERENGGANU FC	9:00 PM	DATARAN BATU BURUK, KUALA TERENGGANU
2	05/03/2023 (AHAD)	KELANTAN FC V PENANG FC	9:00 PM	KOMPLEKS BELIA DAN SUKAN BATU UBAN, PULAU PINANG
3	11/03/2023 (SABTU)	KUALA LUMPUR CITY FC V NEGERI SEMBILAN FC	8:15 PM	KOMPLEKS BELIA DAN SUKAN PAROI, SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
4	13/03/2023 (ISNIN)	KELANTAN UNITED FC V KEDAH DARUL AMAN FC	9:00 PM	DATARAN STARWALK, MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR, KEDAH

2. Program Skrin Besar ini merupakan salah satu program KBS dalam menyemarakkan lagi perlawanan bola sepak di samping memberi peluang kepada penyokong pasukan kegemaran masing-masing menonton secara langsung di skrin besar yang disediakan bagi memupuk semangat kesukanan dan perpaduan rakyat bersama komuniti setempat.
3. Pelaksanaan Program Skrin Besar di Terengganu, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Kedah ini diteruskan apabila program ini mendapat sambutan hangat di kalangan masyarakat setempat semasa perlawanan bola sepak Piala Persekutuan Bolasepak ASEAN (AFF) 2022 dan Piala Dunia Hoki 2023 baru-baru ini.
4. Kerjasama KBS dan MFL ini dilihat akan memberikan pendedahan meluas kepada masyarakat setempat mengenai Liga Malaysia 2023 yang sedang melalui era penswastan serta menjadi industri sukan terbesar di negara ini. Dengan lebih 16 juta rakyat negara ini adalah peminat bola sepak, ia pasti akan menjadi salah satu medium baharu dalam mempromosi dan menarik lebih ramai rakyat negara ini untuk menyokong kelab-kelab Liga Malaysia.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

1 MAC 2023